

## Perbandingan Proses *Tazkiyah al-Nafs* Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim

Zidni Nuran Noordin<sup>1</sup>, Zaizul Ab. Rahman<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>sufian\_alsauri@yahoo.com, <sup>2</sup>zaizul@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM

### Abstrak

Kajian ini mengkaji tentang perbandingan konsep *tazkiyah al-nafs* antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. Objektif kajian adalah untuk membincangkan konsep *tazkiyah al-nafs*, mendalami konsep *tazkiyah al-nafs* menurut al-Ghazali dan Ibnu Qayyim dan membandingkan konsep *tazkiyah al-nafs* menurut al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Sementara itu, maklumat yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan metode deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan pandangan antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim terhadap konsep *tazkiyah al-nafs*. Hasil kajian menunjukkan pandangan al-Ghazali dilihat lebih terperinci dan jelas dengan membahagikan *mujāhadah al-nafs* dan *riyāḍah al-nafs* kepada beberapa peringkat. Al-Ghazali membahagikan *mujāhadah al-nafs* kepada 12 penyakit kejiwaan dan beliau mengemukakan rawatan bagi penyakit-penyakit tersebut. Seterusnya, al-Ghazali membahagikan proses *riyāḍah al-nafs* kepada tiga peringkat iaitu memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah dan mengaplikasikan sifat-sifat *mahmūdah* dalam jiwa. Manakala pandangan Ibnu Qayyim mengenai proses *mujāhadah al-nafs* adalah secara umum sahaja tanpa membahagikan perkara-perkara tersebut kepada beberapa bahagian. Manakala proses *riyāḍah al-nafs* hanya menyentuh satu aspek sahaja iaitu akhlak. Matlamat akhir pengamalan *tazkiyah al-nafs* adalah untuk membimbing umat Islam ke jalan yang direndah Allah s.w.t. dan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

**Kata Kunci:** *Konsep tazkiyah al-nafs, al-Ghazali, Ibnu Qayyim*

### Abstract

This study examines the comparison of the concept between the *tazkiyah al-nafs* of al-Ghazali and Ibnu Qayyim. The objectives of the study are to discuss the concept of *tazkiyah al-nafs*, to explore the concept of *tazkiyah al-nafs* according to al-Ghazali and Ibnu Qayyim and to compare the concepts of *tazkiyah al-nafs* according to al-Ghazali and Ibnu Qayyim. This study uses the library research methodology. Meanwhile, researcher analyzed information obtained by using descriptive and comparative methods. The results showed that there are differences of views between al-Ghazali and Ibnu Qayyim about the concept of *tazkiyah al-nafs*. The results showed that al-Ghazali's view is more detailed and clearly visible by dividing the concept of *tazkiyah al-nafs* to some of the levels. Al-Ghazali divided *mujāhadah al-nafs* into 12 spiritual illnesses and presented treatments for these illnesses. Subsequently, al-Ghazali divided the process of *riyāḍah al-nafs* into three stages namely strengthen the faith, worship and applying good attitudes in soul. While according to Ibnu Qayyim, the process of *mujāhadah al-nafs* was discussed generally without dividing the items into several part. However, the process of *riyāḍah al-nafs* presented by Ibnu Qayyim is similar to the process presented by al-Ghazali but the explanations are more general than al-Ghazali's explanations. The ultimate goal of practicing *tazkiyah al-nafs* is to guide Muslims to the way that pleases Allah s.w.t. and for the happiness in this world and the hereafter.

**Keywords:** *the concept of tazkiyah al-naf, al-Ghazali, Ibnu Qayyim*

### 1. Pengenalan

Aspek keagamaan memainkan peranan yang cukup besar dalam pembangunan jiwa dan spiritual kerana ia dapat membentuk tingkah laku, tindakan dan keputusan seseorang. Perkara ini bertepatan dengan sifat agama yang menjadi salah satu keperluan spiritual yang sentiasa mendambakan kebahagiaan dan ketenangan jiwa. Krisis kejiwaan yang berlaku dalam kalangan manusia di era globalisasi dapat diatasi jika manusia kembali

kepada ajaran-ajaran agama iaitu dengan melakukan *tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa. Menurut Che Zarrina dan Nor Azlinah (2016) para penyelidik daripada kalangan cendekiawan dan ulama-ulama sufi saling melengkapi makna *tazkiyah al-nafs* tanpa sebarang percanggahan. *Tazkiyah al-nafs* bermaksud satu usaha dan proses yang gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersihkan dan menyucikan jiwa dari sifat-sifat yang tercela. Said Hawwa (t.t.) menjelaskan lagi bahawa ia merupakan satu proses peralihan daripada jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar dengan dosa-dosa menjadi jiwa yang suci bersih. Oleh yang demikian, Che Zarrina dan Nor Azlinah (2016) mengatakan bahawa pendekatan *tazkiyah al-nafs* perlu disimbolisasikan sebagai suatu usaha serius dalam merawat hati secara bersepadu dengan disusuli beberapa pendekatan praktikal dan amalan kerohanian. Antara contoh amalan kerohanian ialah solat, puasa, berzikir, berdoa, membaca al-Quran dan bersedekah.

Secara umum, penulisan mengenai perbandingan konsep *tazkiyah al-nafs* Ibnu Qayyim dan al-Ghazali dilihat belum lagi dilakukan secara khusus dan ia adalah berbeza daripada penulisan yang terdahulu kerana ia bukan sahaja melibatkan perbincangan oleh Ibnu Qayyim dan al-Ghazali bahkan ia juga untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan yang ada. Pengkaji memilih tokoh al-Ghazali dan Ibnu Qayyim adalah kerana kedua-dua tokoh tersebut hidup pada abad yang berbeza iaitu al-Ghazali hidup pada abad ke lima Hijrah manakala Ibnu Qayyim hidup pada abad ke tujuh Hijrah. Perbezaan zaman hidup mereka turut membawa kelainan dalam mereka memberi penerangan mengenai sesuatu perbincangan. Al-Ghazali dilihat mengemukakan pandangan beliau secara berperingkat-peringkat dalam aspek *mujāhadah al-nafs* dan *riyādah al-nafs*. Manakala Ibnu Qayyim dilihat mengemukakan pandangan secara umum sahaja berkaitan aspek *mujāhadah al-nafs*. Manakala pada aspek *riyādah al-nafs*, Ibnu Qayyim membincangkan aspek yang sama seperti al-Ghazali iaitu keimanan, ibadah dan akhlak mulia. Akan tetapi pandangan beliau tidak seperti pandangan al-Ghazali yang begitu terperinci. Perbandingan yang wujud di antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim mendorong penulis untuk membincangkan topik ini dengan lebih terperinci dengan menetengahkan karya-karya mereka yang berkaitan dengan konsep *tazkiyah al-nafs*.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mengupas konsep *tazkiyah al-nafs* menurut al-Ghazali dan Ibnu Qayyim dan mengenalpasti perbezaan di antara kedua-dua tokoh. Menerusi kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat dalam merawat penyakit hati yang berpunca daripada pengabaian terhadap kepentingan amalan spiritual dan dapat membimbing masyarakat untuk mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

## 2. Metode Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis kandungan yang terdiri daripada karya-karya al-Ghazali dan Ibnu Qayyim yang menyentuh aspek pemikiran mereka tentang konsep *tazkiyah al-nafs*. Karya-karya tulisan al-Ghazali dan Ibnu Qayyim dijadikan sebagai sumber primer bagi meneliti pemikiran mereka tentang konsep *tazkiyah al-nafs*. Oleh yang demikian, kajian ini mengumpul sebanyak mungkin karya-karya al-Ghazali dan Ibnu Qayyim sama ada yang berhubung secara langsung dengan pemikiran mereka tentang konsep *tazkiyah al-nafs* ataupun karya-karya lain yang masih memiliki relevansi dengan subjek yang dikaji. Berdasarkan penelitian penulis, antara buku yang menjadi fokus utama dalam perbincangan konsep *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali ialah kitab *Ihya' 'Ulum al-Dīn*, *al-Munqidh min al-Dalāl*, *Mukasyafah al-Qulūb* dan *Majmu'ah al-Rasā'il*. Manakala buku yang menjadi fokus utama perbincangan *tazkiyah al-nafs* Ibnu Qayyim ialah *Ṭibb al-Qulūb*, *Ighāthah al-Laḥfān min Maṣayid al-Syaiṭān* dan *Risālah fi Amrād al-Qulūb*. Di samping itu, pengkaji turut mengemukakan kajian-kajian lepas sebagai sumber pelengkap data kajian yang membahaskan mengenai pemikiran al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. Seterusnya, pengkaji menganalisis data dengan menggunakan dua metode iaitu deskriptif dan komparatif.

## 3. Ringkasan Biografi Kepakaran al-Ghazali dan Ibnu Qayyim dalam Kerohanian

Al-Ghazali (1058-1111 M) merupakan salah seorang tokoh pemikir Islam yang dianggap sebagai *mujaddid* pada zamannya. Nama penuh beliau ialah Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Ghazālī. Beliau dilahirkan pada tahun 450 H bersamaan 1059 M di Ṭūs (al-Ghazali 1988). Penglibatan al-Ghazali dalam pendidikan spiritual bermula sejak kecil lagi. Ayah beliau telah mewasiatkan kepada rakan baiknya iaitu seorang ahli sufi supaya al-Ghazali mendalami ilmu spiritual dengan rakannya itu (al-Subkī 1968). Seterusnya, beliau juga mendapat pendidikan dalam bidang spiritual dan tasawuf daripada seorang guru bernama Yūsuf al-Nassāj di Jurjān sehingga beliau mampu membiasakan diri dengan kehidupan spiritual dan

kebaikan malah mencapai tingkat *‘ārifūn* iaitu tingkatan seseorang yang sangat mengetahui dalam ilmu sufi (al-Quasem 1975). Al-Ghazali merupakan seorang tokoh yang banyak menumpukan kepada usaha-usaha membimbing masyarakat dari aspek rohani dan spiritual (al-Nadawī 1960). Antara karya penulisan beliau yang berkaitan dengan kerohanian ialah *Ihya’ ‘Ulum al-Dīn*, *Mukāshafah al-Qulūb: al-Muqarrab Ilā ‘Allām al-Ghuyūb* dan *Minhāj al-‘Ābidīn Ilā Jannah Rabb al-‘Ālamīn*.

Manakala, nama sebenar Ibnu Qayyim (1292-1350 M) ialah Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Abū Bakr b. Sa’ad (Ibn Kathīr 1966). Beliau lebih terkenal dengan gelaran Ibn Qayyim al-Jawziyyah atau Ibn Qayyim sahaja. Beliau dilahirkan pada 7 Safar 691 H bersamaan dengan 20 Januari 1292 M di kampung Zar’ie (Abd ‘Azim 1962). Berasaskan kepada kesungguhan beliau dalam mempelajari pelbagai ilmu, beliau menjadi seorang pakar Fiqh, ahli Usul al-Fiqh, ahli Tafsir, ahli Bahasa Arab, ahli Ilmu Kalam, Ilmu Hadith dan seorang yang alim dalam ilmu Tasawuf (‘Umar Riḍa Kaḥḥālāh 1957; Ibn ‘Imad 1998). Ibnu Qayyim memperolehi ilmu dan pengalaman terapi serta rawatan kerohanian secara langsung melalui gurunya iaitu Ibn Taymiyyah (1263-1328M) dan Shihāb al-Dīn al-Nablusi Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Mun‘im bin Ni‘mat al-Muqaddasī al-Ḥanbalī (697H/1298M). Ibnu Qayyim (1994) menerapkan nilai kerohanian di dalam penulisan beliau dalam bidang rawatan dan perubatan. Antara karya penulisan beliau yang berkaitan dengan kerohanian ialah *Ighāthah al-Lahfān min Mashāyid al-Syaiṭān*, *Madārij al-Sālikīn*, *Miftāh Dār al-Sa‘ādah*, *al-Dā’wa al-Dawā’ (al-Jawāb al-Kāfi)* dan *Ṭibb al-Qulūb*.

#### 4. Konsep *Tazkiyah al-Nafs* Menurut al-Ghazali dan Ibnu Qayyim

*Tazkiyah al-nafs* menurut al-Ghazali merupakan satu usaha membersihkan jiwa, hati dan diri manusia daripada kekotoran sifat-sifat keji melalui proses *mujāhadah al-nafs (al-takhalli)* dan kemudian menghiasinya dengan sifat-sifat murni melalui proses *riyādah al-nafs (al-tahalli)* yang memerlukan kesabaran lantaran proses ini memerlukan usaha yang gigih serta mengambil masa yang lama (Salasiah 2014). Manakala *tazkiyah al-nafs* menurut Ibnu Qayyim bertujuan untuk mengubati hati dari nafsu dan godaan syaitan. Menurut Ibnu Qayyim (2001), segala penyakit hati berpunca daripada kerosakan jiwa. Apabila jiwa rosak, ia merebak keseluruh anggota badan. Kemudian, ia mempengaruhi hati sekaligus mencemarkan pemikiran individu. Kedua-dua tokoh menggunakan proses yang sama dalam menyembuhkan penyakit hati iaitu *mujāhadah al-nafs* dan *riyādah al-nafs*. Namun begitu, terdapat perbezaan dari sudut cara penerangan yang mana pandangan al-Ghazali lebih terperinci dan jelas berbanding Ibnu Qayyim yang membincangkan secara umum dan ringkas. Perbezaan ini boleh difahami dalam penerangan penulis seperti berikut:

##### 4.1 Proses *Mujahadah al-Nafs*

Al-Ghazali dan Ibnu Qayyim mempunyai matlamat yang sama dalam proses *mujāhadah al-nafs* iaitu untuk melawan kehendak hawa nafsu dan godaan syaitan. Al-Ghazali (2000) dan Ibnu Qayyim (1961 & 2001) bersependapat dalam membahagikan nafsu kepada tiga jenis iaitu nafsu *muṭmainnah*, nafsu *ammārah* dan nafsu *lawwāmah*. Dalam proses ini, al-Ghazali menekankan kepada proses membuang sifat-sifat tercela yang ada di dalam diri melalui kaedah khusus yang disarankan oleh beliau. Menurut Salasiah (2008), kaedah ini sesuai diaplikasikan bagi merawat semua penyakit hati kerana dilakukan dengan kaedah bertentangan atau berlawanan. Hal ini dapat difahami melalui pandangan al-Ghazali dalam kitab *Ihya’ ‘Ulum al-Dīn* yang menyebut bahawa:

Setiap penyakit dirawat dengan kaedah bertentangan, kegelapan yang menguasai hati berlaku disebabkan maksiat yang dilakukan dan tiada kaedah lain bagi menghapuskan kegelapan itu melainkan dengan cahaya yang terhasil daripada kebaikan dan setiap kejahatan dirawat dengan kebaikan.

Salasiah (2008) menekankan bahawa setiap orang perlu meneliti punca dan mengenalpasti jenis penyakit hati supaya dengan pengetahuan tersebut seseorang tersebut dapat menggunakan kaedah rawatan khusus yang bertepatan dengan masalah yang dihadapi. Jumlah sifat tercela yang disenaraikan oleh al-Ghazali adalah sebanyak 12 sifat. Antaranya ialah kekasaran tutur kata, bercakap bohong, mengumpat, buruk sangka, marah, dengki, angkuh, sedih dan kecewa yang digolongkan al-Ghazali sebagai *Amrād al-Qalb* (penyakit-penyakit hati). Antara contoh rawatan ialah sifat marah dirawat dengan sifat pemaaf, sombong dirawat dengan sifat tawadu’ dan begitulah seterusnya. Manakala Ibnu Qayyim (2001) pula hanya mengemukakan proses *mujāhadah al-nafs* secara umum sahaja tanpa memberi penjelasan lanjut dan huraian sebagaimana yang dibincangkan oleh al-Ghazali.

Justeru itu, berdasarkan perbincangan di atas dapat difahami bahawa dalam proses *mujāhadah al-*

*nafs*, al-Ghazali menitikberatkan permasalahan mengenai penyakit-penyakit hati seperti suka mengumpat, buruk sangka, marah, dengki dan cintakan dunia, sekaligus menyarankan kaedah rawatan yang bersifat praktikal bagi menyelesaikan setiap satu penyakit-penyakit tersebut. Manakala, Ibnu Qayyim hanya menyatakan proses tersebut secara umum sahaja tanpa membuat sebarang penghuraian yang jelas.

#### 4.2 Proses *Riyadah al-Nafs*

Dalam proses ini, al-Ghazali menekankan tiga aspek iaitu memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah dan mengaplikasikan sifat-sifat *mahmūdah* dalam jiwa. Menurut al-Ghazali (2000), keimanan merupakan suatu perkara penting dalam kehidupan manusia kerana keimanan boleh memberikan kesan positif kepada kesihatan jiwa. Keimanan juga merupakan sumber segala kebaikan dan gambaran kepada salah satu komponen Islam yang paling mulia. Salasiah (2008) menyatakan bahawa proses memantapkan keimanan turut melibatkan usaha memperkukuhkan keyakinan terhadap enam rukun iman termasuklah keimanan kepada Allah s.w.t. malaikat, rasul, Kitab, hari kiamat dan qadha qadar Allah s.w.t. yang dibincangkan secara khusus oleh al-Ghazali (2000) dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Dīn*. Seterusnya, aspek kedua iaitu mempertingkatkan ibadah. Menurut al-Ghazali (2000), ibadah turut memainkan peranan penting bukan sahaja dalam mempertingkatkan keimanan tetapi turut membantu manusia mengatasi masalah dalam kehidupan lebih-lebih lagi jika masalah itu berkait secara langsung dengan spiritual dan kerohanian kerana ibadah dapat menghubungkan terus seseorang hamba kepada penciptanya. Malah, ibadah juga dapat mengembalikan manusia kepada tujuan asal kejadiannya di muka bumi sebagaimana firman Allah s.w.t.:

﴿ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

(Surah al-Zariyat: 56)

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Dalam konteks ini, al-Ghazali (2000) menekankan bahawa ibadah bukan hanya terikat kepada amalan ritual yang tergolong dalam kategori ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji, malah ibadah mencakupi pelbagai aspek dan meliputi makna kepatuhan kepada segala perintah Allah s.w.t. dan meninggalkan segala larangannya. Antara ibadah khusus, al-Ghazālī (2000 & 1995) sangat mementingkan solat kerana solat merupakan ibadah paling utama dalam kehidupan manusia malah solat dapat membezakan antara individu yang beriman dengan individu yang kufur sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

﴿ إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشَّرْكِ وَالْكَفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ ﴾

(Riwayat Muslim, Kitab *al-Iman*, Bab *Itlaq ism al-kufr ala man tarak al-salah*)

Maksudnya:

Sesungguhnya perbezaan (kelainan) antara seseorang itu syirik (menyekutui Allah) dan kufur ialah sebab meninggalkan solat.

Manakala, aspek ketiga iaitu mengaplikasikan sifat-sifat *mahmūdah* merupakan perkara penting dalam kehidupan seseorang insan bagi memberi kebahagiaan dalam kehidupan. Menurut al-Ghazali (2000), akhlak adalah suatu keadaan di dalam jiwa yang daripadanya lahir suatu perbuatan dengan mudah tanpa perlu berfikir. Jika yang lahir itu perbuatan yang baik, maka dinamakan keadaan itu sebagai akhlak yang baik dan begitulah sebaliknya. Al-Ghazali (2000) banyak menumpukan kepada kaedah mengaplikasikan sifat-sifat *mahmūdah* seperti taubat, sabar, syukur, takut, harap, qana'ah, zuhud, tawakal, *maḥabbah*, redha, ikhlas, benar (*ṣidq*), *murāqabah*, *muḥasabah* dan *tafakkur*. Sifat-sifat ini dapat dijadikan sebagai elemen menghiasi jiwa

(*tahalli*) mencapai *tazkiyah al-nafs* daripada segala sifat-sifat buruk yang dikenal pasti sebagai penyebab munculnya masalah dalam kehidupan manusia. Sifat-sifat ini juga jika dihimpunkan dalam jiwa manusia akan melahirkan insan yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah s.w.t., memiliki keimanan yang kukuh dan berupaya menampilkan tingkah laku atau akhlak yang baik sehingga dapat dijadikan aset yang paling berkesan dalam membantu manusia mengatasi masalah dalam kehidupan.

Berbalik kepada pandangan Ibnu Qayyim, beliau mempunyai persamaan dengan pandangan al-Ghazali yang menekankan soal keimanan, ibadah dan akhlak mulia. Menurut Ibnu Qayyim (2001), sebagaimana penjagaan tubuh badan yang memerlukan makanan berzat dan vitamin, menjaga kesihatan dan kekuatan hati juga memerlukan perkara yang sama. Akan tetapi, makanan bagi hati adalah iman, zikir-zikir, bersembahyang, bersedekah ataupun perbuatan-perbuatan yang berupa ketaatan kepada Allah s.w.t. Seperti mana tubuh, hati perlu juga dijaga kekebalannya supaya tidak mudah dihindangi penyakit. Caranya adalah dengan menjauhi perbuatan yang mendatangkan dosa. Bagi memastikan hati benar-benar bebas daripada diresapi penyakit, seseorang perlulah bertaubat, beristighfar kemudian memohon keampunan daripada Allah s.w.t. Hati yang sentiasa dihiasi dengan taubat, zikir, wirid, bersedekah dan yang seumpamanya tidak mudah diserang kuman penyakit hati.

Antara akhlak yang dititikberatkan oleh Ibnu Qayyim (1961; 2001 & 2011) ialah *muḥāsabah al-nafs*, taubat, sabar dan tawakal. Beliau mengaitkan permasalahan akhlak dengan keadaan hati seseorang hamba. Hal ini dapat difahami melalui pandangan beliau yang mengatakan bahawa ramai manusia yang mempunyai pendapat yang berbeza mengenai maksud hati yang sihat. Ada yang berpendapat, ia membawa maksud hati yang bersih ataupun hati yang selamat. Perkataan ini sebenarnya mempunyai maksud yang sama iaitu hati yang bersih daripada keinginan untuk melakukan perkara yang melanggar perintah Allah S.W.T. dan larangannya termasuklah perkara-perkara yang meragukan. Ini bermakna, hati yang bersih bebas daripada menjadi hamba kepada syaitan. Mereka meletakkan ketaatan, rasa takut, harapan, keredhaan, taubat dan berserah diri hanya kepada Allah S.W.T. semata-mata. Mereka tidak menjadi hamba kepada yang lain selain Allah S.W.T. Selain itu, hati yang bersih juga tidak menyekutukan Allah S.W.T. dengan apa cara sekalipun. Hati mereka sentiasa mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. sama ada dalam bentuk harapan, cinta, bertawakkal kepada Allah, taubat dan sebagainya. Mereka melakukan sesuatu perbuatan ikhlas kerana Allah S.W.T. Mereka juga mencintai kerana Allah S.W.T. dan membenci kerana Allah. Apabila mereka memberi dan menegah, ia dilakukan semuanya kerana Allah S.W.T. (Ibnu Qayyim 2001).

Justeru itu, hasil perbincangan di atas dapat difahami bahawa dalam proses *riyāḍah al-nafs* al-Ghazali dan Ibnu Qayyim membahagikan proses tersebut kepada tiga aspek penting iaitu memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah dan mengaplikasikan sifat-sifat *maḥmūdah*. Walaupun terdapat persamaan dalam pembahagian tersebut akan tetapi, penjelasan al-Ghazali lebih terperinci berbanding Ibnu Qayyim yang membincangkan secara ringkas.

## 5. Penilaian Konsep *Tazkiyah al-Nafs*

Pada hakikatnya, konsep *tazkiyah al-nafs* adalah konsep *tazkiyah* (penyucian) dalam Islam kerana ajarannya berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Konsepnya begitu luas dan mencakup seluruh aspek kehidupan. Perkara ini dapat difahami dalam konsep yang dikemukakan oleh al-Ghazali dan Ibnu Qayyim yang menitikberatkan konsep kehidupan jiwa yang baik, taat, adil, taqwa dan benar. Penulis mendapati maksud *tazkiyah al-nafs* yang dibincangkan oleh al-Ghazali dan Ibnu Qayyim memberi penekanan yang sama iaitu untuk membersihkan jiwa daripada sebarang sifat *mazmūmah* dan menghiasinya dengan sifat *maḥmūdah*. Selain itu, kedua-dua tokoh berpendapat bahawa perbuatan yang dizahirkan melalui anggota badan menggambarkan keadaan jiwa seseorang. Jika bersih hatinya, maka perbuatan yang terhasil juga adalah baik. Jika kotor hatinya, maka perbuatan yang terhasil adalah buruk dan tercela. Hal ini dikuatkan oleh pandangan-pandangan para ulama' Islam seperti Said Hawwa' (1998) dan Al-Sōbuni (1999) yang berpendapat bahawa *tazkiyah al-nafs* adalah proses penyingkiran sifat-sifat keji dan hina (*takhalli*) diganti dengan penghias sifat-sifat terpuji dan mulia (*tahalli*). Ibn Miskawayh (1961) juga berpendapat bahawa kebersihan jiwa akan membawa kepada keadaan batiniah yang bebas daripada nilai-nilai negatif yang ditunjukkan oleh tingkah laku. Tahap ukuran yang bebas daripada nilai-nilai negatif tersebut dicernakan melalui setiap perbuatan yang disukai dan dicintai oleh masyarakat sekeliling serta diredhai Allah S.W.T. Di samping itu, al-Ghazali dan Ibnu Qayyim juga menitikberatkan perkara-perkara yang menjadi penghalang bagi seseorang hamba untuk terus melakukan kebaikan iaitu godaan syaitan dan keinginan hawa nafsu. Kedua-dua tokoh menghuraikan aspek ini dengan panjang lebar dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Akan tetapi terdapat perbezaan dalam

perbincangan al-Ghazali dan Ibnu Qayyim mengenai dua proses yang terlibat di dalam *tazkiyah al-nafs* iaitu *mujāhadah al-nafs* dan *riyādah al-nafs*.

Perbezaan yang berlaku di antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah al-Ghazali dan Ibnu Qayyim berada pada zaman yang berbeza iaitu al-Ghazali hidup pada abad ke lima Hijrah manakala Ibnu Qayyim pula hidup pada abad ke tujuh Hijrah. Jarak masa yang berlaku di antara dua tokoh tersebut memberi impak kepada gaya penulisan dan perbincangan. Hasil pembacaan penulis didapati bahawa perbincangan yang dilakukan oleh al-Ghazali di dalam karya-karya beliau adalah lebih sistematik, mendalam dan terperinci manakala Ibnu Qayyim pula hanya menjelaskan secara umum sahaja. Hal ini dikuatkan lagi dengan pandangan yang dikemukakan oleh Abdul Munir (2017) yang mengatakan bahawa al-Ghazali menjelaskan secara terperinci dan berperingkat dalam setiap perbincangan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat pada zaman beliau yang mengalami situasi politik yang kacau-bilau, fitnah berleluasa dan perpecahan. Selain itu, melalui kajian Abdullah Firdaus (2002) didapati bahawa di antara motif utama al-Ghazali menulis perbincangan tentang tasawuf adalah kerana beliau berusaha mengkaji semula tasawuf dalam konteks al-Quran dan al-Sunnah. Al-Ghazali mendedahkan hakikat dan kriteria tasawuf Islam yang belum terungkap secara utuh dan menyucikannya daripada segala bentuk penyelewengan. Beliau meletakkan semula konsep tasawuf yang ada selaras dengan prinsip-prinsip Islam dan mendedahkannya kepada generasi muda bagi memahami, menghayati dan menerapkan konsep tersebut. Pendekatan yang dilakukan oleh al-Ghazali adalah dengan memerhati dan memahami realiti dan persoalan ummah yang ditinjau dari pelbagai sudut. Seterusnya, beliau mengemukakan prinsip dan dasar Islam bagi menyelesaikan permasalahan tersebut di samping merujuk kepada prioriti, taraf keperluan dan kepentingan semasa. Selain itu, al-Ghazali membuat pembaikan ke atas pendekatan dan metodologi para intelektual Muslim terdahulu dalam memahami persoalan tasawuf. Perkara ini dilakukan dengan cara memaparkan konsep tasawuf dalam bentuk ilmiah yang bersifat konstan, umum dan bukan berdasarkan kepada pengalaman emosional yang dialami secara peculiar dan bersifat relatif dan kabur. Langkah ini dideskripsikan dengan cara menggunakan bahasa yang sederhana dan mudah bagi menghindari gejala penyelewengan (*distortion*), salah tafsir (*misinterpretation*) dan salah tanggapan (*misperception*) dalam perkara tersebut. Oleh yang demikian, wajarlah setiap pandangan yang dikeluarkan oleh al-Ghazali dilihat sangat teliti, tersusun dan mudah difahami.

Berbalik kepada pandangan Ibnu Qayyim, pengkaji mendapati ia berbeza dengan pandangan al-Ghazali. Ibnu Qayyim membahaskan secara umum sahaja berkaitan *mujāhadah al-nafs* dan *riyādah al-nafs*. Hal ini kerana, masyarakat Islam pada zaman Ibnu Qayyim tidak menghadapi masalah besar seperti mana yang berlaku pada zaman al-Ghazali. Hal ini dibuktikan melalui kajian Mohd Takiyuddin (1999) yang menjelaskan bahawa pada tahun Ibnu Qayyim dilahirkan, beberapa wilayah Islam baru sahaja dibebaskan dari penguasaan tentera Salib oleh sultan-sultan Mamalik seperti Sultan Zahir Baybras dan Sultan Mansur Qalawun. Pada tahun ini juga Sultan Asyraf Khalil telah berjaya memerangi tentera Salib di bandar 'Akka, Beirut, Suwar, Hifa dan Qabrus. Penawanan bandar 'Akka dan beberapa bandar lain di pesisiran pantai Syam bermakna tamatlah pemerintahan tentera Salib ke atas beberapa wilayah di negeri Syam. Kubu terakhir tentera Salib di Pulau 'Arwa juga telah berjaya ditawan oleh tentera Islam sewaktu pemerintahan Sultan Nasir Muhammad bin Qalawun pada bulan Muharram tahun 702 H (102 M). Penawanan ini juga bererti tentera Salib telah berjaya dihalau keluar dari terus berada di bumi umat Islam. Oleh yang demikian, tahun kelahiran Ibnu Qayyim adalah merupakan tahun berakhirnya penguasaan tentera Salib di negeri Syam. Selain itu, ilmu pengetahuan telah berkembang dengan pesat sekali sewaktu pemerintahan Kerajaan Mamalik. Mereka mengambil inisiatif untuk menjadikan negeri Mesir dan Syam sebagai pusat kegiatan ilmu. Antara kegiatan keilmuan yang dilaksanakan ialah mendirikan masjid, mendirikan sekolah-sekolah, menubuhkan perpustakaan dan kemunculan ramai para ulama'. Keadaan ini menggambarkan kegiatan ilmiah pada zaman Ibnu Qayyim merupakan kegiatan yang penting. Sikap pemerintah yang sentiasa memberikan dorongan dan mendampingi para ulama' juga menjadi salah satu sebab berkembangnya kegiatan ini. Berdasarkan kajian di atas, penulis berpandangan bahawa suasana yang wujud di zaman kehidupan Ibnu Qayyim secara tidak langsung telah mempengaruhi sikap dan cara beliau dalam bertindak termasuklah dari sudut gaya penulisan beliau. Sikap beliau yang tenang dalam menghadapi sesuatu masalah jelas menunjukkan faktor persekitaran mempengaruhinya. Justeru itu, wajarlah Ibnu Qayyim menjelaskan konsep *tazkiyah al-nafs* secara umum bagi memperkukuhkan kembali ilmu yang sedia ada supaya masyarakat tidak menyimpang daripada syariat Islam.

Oleh yang demikian, hasil perbincangan di atas jelas membuktikan bahawa terdapat perbezaan dari sudut cara perbincangan pandangan antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. Penulisan al-Ghazali yang lebih terperinci adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya faktor persekitaran yang berlaku di zaman beliau dan kesungguhan beliau dalam membuat penelitian dan pembaikan terhadap ilmu tasawuf itu sendiri.

Manakala, suasana tenang yang berlaku di zaman Ibnu Qayyim turut memberi kesan terhadap gaya hidup beliau termasuklah kaedah penulisan yang dilihat hanya dibincangkan secara umum sahaja. Ini kerana, gambaran sosiobudaya masyarakat yang melingkari kehidupan Ibnu Qayyim dapat diperhatikan dengan sandaran kepada suasana keilmuan yang sangat menggalakkan pada zamannya. Tambahan lagi, beliau lahir dan membesar dalam suasana berlakunya perkembangan ilmu yang begitu pesat di samping dorongan suasana kekeluargaan yang sangat mementingkan ilmu pengetahuan. Justeru itu, perbezaan antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim secara ringkasnya adalah seperti berikut:

### 5.1 Proses *Mujahadah al-Nafs*

Berdasarkan penelitian, Penulis mendapati al-Ghazali dan Ibnu Qayyim mempunyai persamaan dalam mendefinisikan proses *mujāhadah al-nafs* iaitu satu proses membuang sifat buruk dari diri seseorang seperti sombong, takabur, marah, cintakan dunia dan tamak haloba. Proses ini memerlukan kepada usaha, kecekalan dan keinginan yang tinggi dalam diri seseorang bagi memastikan misi untuk menyahkan sifat-sifat tercela berjaya dilakukan. Akan tetapi, perbincangan yang dilakukan oleh al-Ghazali dan Ibnu Qayyim dilihat berbeza yang mana pandangan al-Ghazali dikemukakan secara terperinci dan berperingkat-peringkat dengan menyenaraikan 12 sifat-sifat tercela berserta kaedah rawatan bagi mengatasinya manakala Ibnu Qayyim hanya menjelaskan secara ringkas sahaja berkenaan proses ini.

Bagi pandangan penulis, al-Ghazali begitu teliti dalam menjelaskan setiap sifat-sifat tercela tersebut di samping mengemukakan rawatannya yang bersifat praktikal dan berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Suasana tegang dan kacau bilau yang berlaku di zaman beliau mendorongnya untuk memberi pendedahan kepada masyarakat supaya sentiasa menyucikan jiwa daripada segala penyakit-penyakit hati yang boleh mendatangkan kebinasaan kepada diri. Penyakit-penyakit hati ini boleh dirawat dengan cara menghiasi diri dengan akhlak yang mulia di samping sentiasa mengawasi setiap tingkah laku dan perbuatan diri agar tidak menyeleweng dari syariat Islam. Hal ini disokong oleh Abdul Munir (2017) yang mengatakan bahawa al-Ghazali mampu mengembalikan umat Islam kepada keimanan kepada Allah s.w.t. dengan berusaha memperbaiki akhlak masyarakat Islam bagi membentuk masyarakat madani. Usaha memperbaiki akhlak masyarakat dilakukan dengan memperbaiki hati dan fikiran manusia. Ini kerana, jika hati dan fikiran manusia dapat diperbaiki maka segala perbuatan, percakapan dan gaya hidup akan menjadi baik. Matlamat memperbaiki akhlak adalah dasar utama al-Ghazali ke arah membangunkan minda masyarakat sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ

(Surah al-Ra'd: 11)

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Sehubungan itu, bagi mencapai maksud tersebut, al-Ghazali menjelaskan proses *mujāhadah al-nafs* secara berperingkat mencakupi 12 sifat-sifat tercela berserta kaedah rawatannya. Menurut Salasih (2008), kaedah ini sesuai diaplikasikan bagi merawat semua penyakit hati kerana dilakukan dengan kaedah bertentangan atau berlawanan. Salasih (2008) menekankan bahawa setiap orang perlu meneliti punca dan mengenalpasti jenis penyakit hati supaya dengan pengetahuan tersebut seseorang tersebut dapat menggunakan kaedah rawatan khusus yang bertepatan dengan masalah yang dihadapi. Al-Ghazali mengkategorikan 12 sifat-sifat tercela sebagai *Amrad al-Qalb* (penyakit-penyakit hati). Antara contoh rawatan ialah sifat marah dirawat dengan sifat pemaaf, sombong dirawat dengan sifat tawadu' dan begitulah seterusnya.

Berbalik kepada pandangan Ibnu Qayyim, ia dilihat berbeza dengan pandangan al-Ghazali. Ibnu Qayyim membahaskan secara umum sahaja berkaitan proses *mujāhadah al-nafs* seperti yang diulas oleh Muhd Nasruddin, Zawiyah dan Muhd Surur (2009) dalam tulisan mereka yang menjelaskan bahawa antara terapi diri bagi merawat hati adalah dengan cara melawan kehendak nafsu. Golongan yang meremehkan perkara ini pasti

akan binasa kerana tewas dengan kehendak nafsunya dan seolah-olah bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh nafsu yang mengarah kepada keburukan dan perkara-perkara yang tercela. Penulis berpandangan huraian yang ringkas ini dipengaruhi oleh masyarakat Islam pada zaman Ibnu Qayyim yang tidak berdepan dengan masalah besar seperti mana yang berlaku pada zaman al-Ghazali di samping suasana keilmuan yang sangat menggalakkan dan ilmu-ilmu yang sudah sedia ada.

## 5.2 Proses *Riyadah al-Nafs*

Hasil pengkajian penulis mengenai proses ini mendapati bahawa pandangan al-Ghazali dan Ibnu Qayyim mempunyai persamaan dalam membahagikan proses tersebut kepada tiga iaitu memantapkan iman, mempertingkatkan ibadah dan mengaplikasikan sifat-sifat *maḥmūdah*. Akan tetapi, hasil penelitian penulis mendapati bahawa pandangan al-Ghazali dilihat begitu sistematik dan mendalam berbanding pandangan Ibnu Qayyim yang dilihat ringkas.

Bagi aspek keimanan, penulis berpandangan bahawa ia merupakan suatu elemen yang penting bagi setiap umat Islam. Ini kerana, ia dapat menjadi benteng dan perisai bagi diri umat Islam daripada terjerumus ke lembah kemaksiatan yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Selain itu, keimanan yang disemai di dalam jiwa setiap Muslim boleh melahirkan perasaan cinta kepada Allah s.w.t., tidak menggantungkan harapan selain kepadaNya dan melakukan sesuatu perbuatan hanya kerana Allah s.w.t. Kajian yang dijalankan oleh Abdullah Firdaus (2002) menyatakan bahawa al-Ghazali menekankan aspek keimanan bukan sekadar kepercayaan berdasarkan teoritikal dan abstrak sahaja tetapi ia merupakan keimanan yang muncul daripada akal dan hati sekaligus. Keimanan yang bertitik tolak daripada kesedaran seperti ini akan melahirkan sikap penghambaan kepada Tuhan yang berasaskan kepada ma'rifah dan perasaan penuh kekaguman dan kesyukuran, cinta dan pengorbanan. Abdullah Firdaus (2002) menjelaskan lagi bahawa al-Ghazali berusaha untuk menafsirkan segala bentuk istilah yang berorientasikan dengan prinsip *al-Imān* dalam skop tasawuf Islam seperti *al-maḥabbah*, *al-tawakkul*, *al-ikhhlās* dan *al-ṣabr* sesuai dengan konteks dan keperluan semasa. Perkara ini dilakukan dengan mengemukakan tafsiran yang ideal yang disertai dengan penjelasan yang pasti. Salasiah (2008) menjelaskan bahawa proses memantapkan keimanan melibatkan usaha memperkukuhkan keyakinan terhadap enam rukun iman termasuklah keimanan kepada Allah s.w.t. malaikat, rasul, Kitab, hari kiamat dan qadha qadar Allah s.w.t. yang dibincangkan secara khusus oleh al-Ghazali dalam kitab *Ihya' ʿUlum al-Dīn*. Tambahan lagi, menurut Muhd Nasruddin, Zawiyah dan Muhd Surur (2010), Ibnu Qayyim mengaitkan aspek keimanan dengan godaan syaitan yang mana syaitan tidak mempunyai kuasa atau kemampuan untuk menghasut seseorang sekiranya orang yang dihasut itu memiliki benteng iman yang kuat. Justeru itu, Allah s.w.t. akan menguji orang yang beriman bagi membuktikan mereka benar-benar beriman. Ketika itu, barulah diketahui sama ada mereka percaya kepada hari akhirat ataupun tidak. Golongan yang sudah tetap iman dan yakin hanya Allah s.w.t. sahaja yang mampu memberikan segala-galanya, mereka akan tunduk, mencintai dan menyembah Allah s.w.t. Ini kerana, mereka merasa yakin dengan balasan yang akan diperolehi hasil perbuatan mereka selama ini.

Seterusnya, al-Ghazali dan Ibnu Qayyim menjelaskan aspek mempertingkatkan ibadah dengan menyenaraikan ibadat-ibadat yang dianjurkan dalam Islam sebagai latihan kepada diri untuk sentiasa istiqamah dalam melakukan kebaikan. Ibadah-ibadah tersebut adalah seperti solat, zakat, puasa, haji, tilawah al-Quran, zikir, doa dan *qiyam al-lail*. Bagi al-Ghazali, solat merupakan ibadah yang paling utama dalam kehidupan manusia, malah solat dapat membezakan antara individu yang beriman dengan individu yang kafir. Penulis berpandangan bahawa solat memainkan peranan yang penting dalam membina Islam dan iman dalam diri manusia terutamanya untuk merawat penyakit-penyakit rohani manusia. Hal ini dikuatkan dengan pandangan al-Jazā'irī (1976) yang menyatakan bahawa solat merupakan kewajipan yang difardhukan ke atas setiap orang mukmin. Ia merupakan ibadat yang paling tinggi dan mulia antara ibadat-ibadat yang disarankan dalam Islam. Malah solat merupakan pokok (tiang) dalam binaan agama, tali pengikat keyakinan, puncak segala pengabdian yang memainkan peranan terpenting dalam kehidupan manusia untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Dalam konteks ini, ia merupakan sebesar-besar ibadat yang mendekatkan para (*ābid*) hamba kepada *ma'budnya* (Allah s.w.t.) dan seteguh-teguh perhubungan yang menghubungkan antara manusia (makhluk yang paling mulia) dengan *Khāliqnya* (Penciptanya). Ahmad Hisham (2009) menekankan bahawa tanpa solat akan wujud pelbagai penyakit rohani yang mengganggu kehidupan manusia seperti gelisah, tekanan (stress), takut selain daripada Allah s.w.t. dan sebagainya.

Perbincangan seterusnya iaitu aspek mengaplikasikan sifat-sifat *maḥmūdah* turut dibahas secara terperinci oleh al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. Antara sifat-sifat mulia tersebut ialah taubat, sabar, syukur, tawakal, ikhlas dan redha. Penulis mendapati bahawa sifat-sifat mulia yang disarankan oleh al-Ghazali dan

Ibnu Qayyim juga turut dibincangkan dan disepakati oleh tokoh-tokoh tasawuf yang lain seperti Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushayri. Hal ini dikuatkan oleh kajian Che Zarrina dan Sharifah Basirah (2012) yang menyatakan bahawa dengan melalui jalan tasawuf, manusia akan kembali kepada fitrahnya dalam merawat jiwa mereka yang sakit agar kembali tenang dan aman. Didapati konsep maqamat yang merangkumi sifat taubat, zuhud, tawakal dan sabar adalah lahir dari doktrin yang digariskan oleh para sufi yang asasnya menitikberatkan metodologi yang diambil dari al-Quran dan juga al-Sunnah. Islam mengajar bahawa wahyu mempunyai nilai-nilai dan pengetahuan psikologi yang boleh dijadikan terapi atau ubat kepada penyakit rohani mahupun jasmani manusia.

Selain itu, Salasiah (2008) menyatakan bahawa induk utama akhlak menurut al-Ghazali ada empat, iaitu *al-hikmah*, *al-syajā'ah*, *al-iffah* dan *al-ʿadl*. *Al-Hikmah* bermakna suatu keadaan jiwa yang dengannya dapat dicapai kebenaran dan menyingkirkan sebarang kesalahan. *Al-Syajā'ah* pula bermakna suatu keadaan jiwa di mana kekuatan marah dapat dikawal dengan baik di bawah penguasaan akal. *Al-ʿIffah* ialah mendidik kekuatan syahwat dengan asuhan akal dan syarak. Manakala *al-ʿadl* pula ialah suatu keadaan dalam jiwa yang dapat mengawal kemarahan dan syahwat serta membimbingnya ke arah yang bersesuaian dengan *al-hikmah*. Pandangan ini menggambarkan betapa pentingnya seseorang mengimbangi antara nafsu, keinginan, kejahatan dan kebenaran dalam jiwanya dengan kawalan akal dan berpandukan syarak.

## 6. Kesimpulan

Konsep *tazkiyah al-nafs* yang digagas oleh al-Ghazali dan Ibnu Qayyim menggariskan matlamat yang sama iaitu untuk membersihkan jiwa seorang hamba daripada segala penyakit hati melalui dua proses iaitu *mujāhadah al-nafs* dan *riyāḍah al-nafs*. Namun begitu, hasil kajian ini mendapati bahawa pandangan al-Ghazali dilihat lebih sistematik dan mendalam berbanding pandangan Ibnu Qayyim yang hanya berbincang secara umum dan ringkas. Hal ini berlaku disebabkan oleh faktor perbezaan zaman antara al-Ghazali dan Ibnu Qayyim yang turut mempengaruhi gaya penulisan mereka. Namun begitu, sumbangan al-Ghazali dan Ibnu Qayyim dalam kegiatan keilmuan khususnya bidang tasawuf tidak dapat disangkal lagi akan kehebatannya. Justeru itu, hasil kajian dan penulisan ini dapat memberi impak kepada masyarakat agar mereka dapat mengambil manfaat dan mempraktikkan apa yang diperolehi melalui perbincangan dan perbandingan mengenai konsep *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali dan Ibnu Qayyim ini serta melakukan satu perubahan menjadi Muslim yang lebih baik dengan mempraktikkan proses-proses yang terdapat di dalam *tazkiyah al-nafs*.

## Rujukan

al-Quran al-Karim.

Abd 'Azim Abdul Salam Syarifuddin. 1962. *Ibn Qayyim al-Jawziyyah 'Asruhu wa Manhajuhu wa Arāuhū fi al-Fiqh wa al-'Aqāid wa al-Tasawuf*, Cet. 2. Al-Qaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah.

Abdul Munir. 2017. *Analisis Konsep Zuhud Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim*. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdullah Firdaus. 2002. *Konsep Tasawuf Menurut Pandangan Shaykh Muhammad al-Ghazali*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abi al-Fallāh 'Abd al-Ḥayy Ibn Aḥmad Ibn al-ʿImad. 1998. *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, jil. 6. Kaerah: Maktabah al-Quds.

Ahmad Hisham. 2009. *Solat dan Nilai-Nilai Spiritual dalam Menangani Gelisah dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

Che Zarrina & Sharifah Basirah. 2012. *Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs*. Jurnal Usuluddin, Julai-Disember.

Che Zarrina & Nor Azlinah. 2016. *Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs oleh Syekh Abdul Qadir al-Mandili dalam Kitab Penawar Bagi Hati*. Jurnal Afkar, Vol. 18 Special Issue.

al-Ghazālī. 1991. *Mukāshafah al-Qulūb: al-Muqarrab Ilā ʿAllām al-Ghuyūb* (taḥqīq): al-Saqqā, Aḥmad Ḥijāzī. Beirut: Dār al-Jīl.

al-Ghazālī. 1988. *Minhāj al-ʿĀbidīn Ilā Jannah Rabb al-ʿĀlamīn*. Taḥqīq Maḥmūd Muṣṭafā Ḥalāwī. Beirut: Muassasah al-Risālah.

- al-Ghazali. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Dīn*, jil. 1. Kaherah: Dār al-Taḳwa li al-Turath.
- al-Ghazali. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Dīn*, jil. 2. Kaherah: Dār al-Taḳwa li al-Turath.
- Al- Ghazālī. 1995. *Mukāsyafah al-Qulūb*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-Arabī.
- Hawwa, Sa'id. t.t. *Tarbiyyah al-Ruhaniyyah*, terj. Khairul Rafie. Bandung: Pustaka Mizan.
- Hawwa. Sa'id. 1998. *Tarbiyah al-Rūhāniyyah*, terj. Kahirul Rafie. Bandung: Mizan.
- Al-Nadawī, Abu al-Ḥasan °Alī al-Ḥusaynī. 1960. *Rijāl al-Fikr wa al-Da'wah fī al-Islām*. Damsyiq: Kuliyyah al-Syari'ah bi Jamī'ah Damsyiq.
- Al-Jazā'irī. 1976. *Minhāj al-Muslim: Kitāb °Aqā'id wa Ādāb wa Akhlāk wa °Ibādāh wa Mu'āmalat*, cet. 8. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr. 1966. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, vol. 14. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Ibn Miskawayh. 1961. *Tahdhīb al-Akhlāk*. Bayrūt: Maktabah al-Ḥayāt.
- Ibnu Qayyim. 1961. *Ighāthah al-Lahfān min Maṣayid al-Syaiṭān*, juz. 1, (taḥqīq): Muḥammad Sayyid Kailānī. t.tp: Syarikah Kutub wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī wa Aulāduhu.
- Ibnu Qayyim. 1994. *Ad-Dā wa ad-Dawā' au al-Jawāb al-Kāfi liman Sa ala 'an ad-Dawā asy-Syāfi*. Mansurah: Dār al-Khulafā'.
- Ibn Qayyim. 2001. *Ṭibb al-Qulūb*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Ibn Qayyim. 2005. *Risālah fī Amrād al-Qulūb (Fikh Tasawuf: Kaedah-Kaedah Rawatan Penyakit Hati)*, terj. Harun al-Rasyid. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Mohd. Takiyuddin Ibrahim. 1999. *Konsep Tauhid dan Sifat-Sifat Allah Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya. Muhaemin. 2011. *Konsep Pendidikan Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1292-1350 M)*. Jurnal Ulul Albāb, Vol. 13 No. 2.
- Muhd Nasruddin Dasuki, Zawiyah & Muhd Surur Dasuki. 2009. *Bahagiakan Hatimu*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- al-Quasem, Muhammad Abul. 1975. *The Ethics of al-Ghazali. A Composite Ethics in Islam* with a Foreword by Montgomery Watt. University of Edinburg. Central Printing. Petaling Jaya. Malaysia.
- Salasiah. 2008. *Pendekatan Da'wah al-Irsyad al-Nafsiyy Menurut al-Ghazali: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Salasiah. 2014. *Penyucian Jiwa: Pengaruhnya Kepada Keberkesanan Latihan*. Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3.
- Al-Sōbuni, Muhammad 'Ali. 1999. *Sofwah al-Tafāsīr*. Jil. 3. Beirut: Dār al-Qurān al-Karīm.